

Artikel

Royalscape Diraja Satu Perwakilan Asas Pelancongan Bandar Diraja
(*Royalscapes as Key Royal Town Tourism Attractions*)

Zurina Ahmad Saidi¹, Zurinah Tahir^{1*}, Jalaludin Abdul Malek¹ & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff²

¹Program Sains Pembangunan, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

²Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang Koresponden: zurinahtahir@ukm.edu.my

Abstrak: Bandar Diraja merupakan satu rangkaian kepada sejarah, geografi dan budaya yang sangat luas. Ciri-ciri Diraja yang dimiliki oleh Bandar Diraja dalam menjayakan identiti sesebuah bandar Diraja serta keunikannya yang tersendiri. Tarikan utama adalah karakter istimewa bandar Diraja sendiri seperti budaya, sejarah, seni bina dan nilai estetika bandar Diraja. Bandar Diraja di Malaysia merupakan warisan unik yang menjadi perlambangan sebuah negara berdaulat dan Melayu tradisional. Walau bagaimanapun, sifat dan keadaan bandar Diraja hampir terhakis oleh kerana perkembangan dan kemodenan yang tidak terkawal. Kuala Kangsar merupakan satu bandar Diraja yang mempunyai produk asli dalam menawarkan pelancongan bandar Diraja. Walau bagaimanapun, produk dan aset-aset tarikan utama ini masih menjadi persoalan kerana tidak jelas, tidak dibangunkan secara komprehensif malah tiada kriteria khusus keperluan produk ini sebagai salah satu aset tarikan kunjungan pelancong. Asas pelancongan yang mewakili bandar Diraja tidak jelas dan kabur. Kajian bertujuan untuk memperincikan asas perwakilan pelancongan berdasarkan tujuh royalscape yang dirangka dalam kajian ini sebagai pelopor kepada pelancongan bandar Diraja Kuala Kangsar. Teknik pensampelan secara kebetulan (*accidental* atau *convenience sampling*) digunakan dengan edaran borang soal selidik kepada 500 responden berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Hasil dapatan menunjukkan kesemua royalscape berada di tahap sederhana tinggi. Fizikal bandar Diraja menjadi tumpuan pelancong dengan peratusan kunjungan melebihi 75.0%. Estetika bandar Diraja memberikan nilai tambah yang tinggi kepada pelancong serta lebih 80.0% pelancong melakukan perjalanan ke lima destinasi tarikan utama. Kesimpulan, makalah ini menunjukkan perwakilan royalscape bandar Diraja ini memandu pelancong dalam memberi imej pelancongan bandar Diraja Kuala Kangsar. Kajian ini memberi impak dalam pelancongan bandar Diraja yang mempunyai potensi untuk dibangunkan di peringkat pemegang taruh serta memberi manfaat kepada pelancong dan pembangunan Kuala Kangsar sebagai kawasan tumpuan pelancong pada masa akan datang.

Kata kunci: Royalscape Diraja; Pelancongan bandar Diraja; pelancong domestik; bandar Diraja Kuala Kangsar.

Abstract: A royal town serves to provide broad linkages to the history, geography and culture of a location. The specific characteristics of a royal town establish its identity and its uniqueness. Its principal attraction

may lie in its exclusive character where the royal foundations embody elements of culture, history, architecture and esthetics. In this regard, the many royal towns of Malaysia reflect a heritage of traditional Malay sovereignty. Nonetheless, some of these towns are in danger of decline as a result of unbridled development and modernization. Kuala Kangsar is among the royal towns that have much to offer in terms of historical attractions. In spite of this, the assets of this town have yet to be fully availed as tourist attractions since systematic valuation of the resources has not been undertaken. It remains unclear how promotion of the royal town can be carried out. Nevertheless, a study to determine attractions for this royal town has identified seven *Royalscapes* that can serve to spearhead developments to popularize the royal town of Kuala Kangsar. Using the *convenience* sampling approach, 500 questionnaires were distributed to prospective visitors. The study results indicated that all the identified *Royalscapes* were rated fairly highly. The physical aspects of the town were deemed attractive to tourists, with 75.0% expressing a desire to visit. Rated even higher at 80.0% were five destinations deemed representative of the esthetics of the royal town. It can be concluded, therefore, that the *Royalscapes* serve effectively as drivers of tourism for the royal town of Kuala Kangsar. This study shows how the Kuala Kangsar area has the potential to draw both domestic and foreign tourists in the future.

Keywords: *Royalscapes*, royal town tourism, domestic tourism, Royal Town of Kuala Kangsar.

Pengenalan

Pelancongan bandar Diraja di Malaysia tidak asing di mata pelancong domestik. Pelancong menjadikan waktu senggang dengan melancong ke destinasi-destinasi tumpuan yang menyajikan pengalaman pelancongan. Terdapat pelbagai jenis produk pelancongan semakin berkembang pesat seperti pelancongan pendidikan, pelancongan keluarga, pelancongan warisan dan budaya serta pelancongan acara. Produk pelancongan ini telah dikenali dan mempunyai definisi tersendiri. Sehingga tahun 1980-an, bandar Diraja sekitar Eropah dibangunkan mengikut arus perdana dan mengikut tuntutan transformasi bandar Diraja untuk dibangunkan sebagai pelancongan bandar Diraja (Albrechts & Balducci 2013). Pelancongan bandar Diraja mengikut peralihan arus perdana dan transformasi bandar seperti yang dinyatakan oleh McCourt (2013) dengan menjelaskan peralihan ini mencapai satu bentuk ke arah pembangunan lestari serta pelancongan yang efisien di bandar warisan (Azman et al. 2021). Walau bagaimanapun, campur tangan politik dan masalah-masalah berbeza persekitaran menjejaskan beberapa konsep pelancongan bandar Diraja itu sendiri. Pelancongan ini telah mengubah fungsi masyarakat pada hari ini. Kini pelancongan di bandar Diraja terus menjadi tumpuan dan tarikan kepada sumber utama tukaran wang asing yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, pelaburan dan guna tenaga yang menyeluruh (Azman et al. 2021).

Pelancongan di bandar Diraja membangunkan keinginan pelancong untuk memahami pelancongan berkonsepkan Diraja (Chhabra et al. 2003). Pelancong melancong ke bandar Diraja adalah untuk mengalami pengalaman, merasai budaya dan estetika Diraja serta memahami khazanah-khazanah dan warisan yang bernilai ini. Pelancongan ini dilihat mengambil kira aspek warisan dan kewajaran dalam membangunkan pelancongan bandar Diraja ini. Pelancongan bandar Diraja menunjukkan bahawa nilai warisan sangat memainkan peranan penting. Nilai warisan yang terdapat di bandar Diraja meliputi nilai landskap, sejarah alam semula jadi, bangunan lama, artifak, tradisi dan budaya serta asset-aset menarik yang menggambarkan bahawa bandar tersebut merupakan bandar Diraja.

Kuala Kangsar merupakan salah satu bandar Diraja yang mempunyai produk asli dan menawarkan pelancongan bandar Diraja. Walau bagaimanapun, produk dan aset-aset tarikan utama ini masih menjadi persoalan kerana tidak jelas (Azman et al. 2021; Tey et al. 2020), tidak dibangunkan secara komprehensif malah tiada kriteria khusus keperluan produk ini sebagai salah satu aset tarikan kunjungan pelancong. Malahan, Apakah asas yang mewakili bandar Diraja yang menjadi ukuran dalam menggambarkan bahawa bandar tersebut merupakan bandar Diraja? Berdasarkan kepada persoalan ini, makalah bertujuan untuk mengenal pasti jenis *royalscape* Diraja yang menjadi perwakilan kepada asas pelancongan bandar Diraja. Tujuh jenis *royalscape* menjadi tunjang sebagai asas perwakilan iaitu fizikal, estetika, tapak warisan, budaya, interaksi sosial, pendidikan dan hiburan di dalam kajian ini dalam menekankan pentingnya pemahaman dalam mengembangkan asas perwakilan sebagai lambang bandar Diraja. Rentetan itu, makalah berkaitan bandar Diraja Kuala Kangsar dilihat penting untuk mengenal pasti kesan-peranan asas perwakilan bandar Diraja dalam mewujudkan dan meningkatkan pembangunan pelancongan bandar Diraja.

Kajian Literatur

Pelancongan bandar Diraja menyediakan pelbagai isu, cabaran dan pendekatan untuk pengalaman pelancongan yang berkualiti yang mampan dalam mendorong kedatangan pelancong dari pelbagai tempat di dunia (Md Khairi 2017). Prinsip penting pengalaman yang dapat diulangi adalah pengalaman pelancong mesti dikawal dan seterusnya pelancongan mengawal tindakan pelancong (Du Cros 2017; Caldito & Dimanche 2016). Oleh itu pengurusan pelancongan bandar Diraja perlu mempunyai hubungan yang lebih dekat dengan pelancong agar pengalaman yang diperoleh adalah seperti yang diharapkan oleh pelancong sepanjang melancong. Oleh itu, pemasaran adalah penting untuk mencapai pelancongan bandar Diraja yang mampan (Cros 2016). Menurut Chhabra (2010) mendefinisikan pelancongan bandar Diraja mewakili keinginan pelancong untuk mengalami dan merasai budaya dari segi penawaran produk. Kesimpulan bahawa masyarakat terdahulu mempunyai cara hidup yang tiada di zaman sekarang. Oleh itu, pelancongan merupakan faktor utama yang memenuhi pengalaman pelancong, aktiviti-aktiviti untuk pelancong merasai suasana masyarakat terdahulu.

Warisan merupakan khazanah yang sangat tinggi nilainya dan sewajarnya dipelihara oleh generasi masa kini agar tidak pupus ditelan usia. Hal ini menjelaskan betapa pentingnya pekekalan budaya dan seni warisan malahan di setiap pelosok dunia. Walaupun skop dan definisi warisan terlalu besar untuk ditakrifkan para sejarawan, golongan akademik dan intelektual malah masyarakat khususnya perlu mempertimbangkan dan mengambil kira untuk menentukan dan mentakrifkan warisan sebagai suatu entiti penting dan wajar diperkenalkan kepada masyarakat akan kepentingan pekekalan dan penghayatannya.

Istilah pelancongan di bandar secara ringkasnya bermaksud pelancongan di kawasan bandar. Menurut Hooloway et al. (2010) menjelaskan pelancongan bandar sebagai aktiviti pelancongan yang terdapat di sesuatu kawasan bandar. Ia merupakan salah satu dari industri pelancongan yang semakin berkembang pesat apabila wujud tindak balas yang seimbang di antara faktor permintaan dan faktor penawaran di kawasan bandar. Dengan kepelbagaian produk pelancongan yang ditawarkan, pelancongan di bandar terus meningkat selagi adanya penawaran dan permintaan pelancong. Pelancongan bandar Diraja dilihat memberikan simbolik kebudayaan serta beberapa tempat daya tarikan yang ada di kawasan bandar merupakan aktiviti yang terdapat dalam pelancongan Bandar. Selain itu, bandar memberikan pelbagai kemudahan lengkap yang ditawarkan seperti kemudahan pengangkutan, penginapan serta persidangan yang mana mampu menarik ramai pelancong untuk mengunjungi destinasi bandar.

Menurut Samsudin & Sulong (2013), warisan bersifat ketara dan tidak ketara mempunyai kelebihan tersendiri untuk dibangunkan. Warisan ketara lebih mudah kekal atau dibina semula kerana ianya terdiri daripada bangunan atau monumen yang terbentuk pada satu masa dahulu. Namun demikian, tidak kira ianya dibina ribuan tahun, monumen ini berpotensi untuk dibangunkan semula kerana ia masih kekal dan boleh dipulihara. Oleh itu, dalam membangunkan warisan sejarah, ia memerlukan gabungan tenaga pakar daripada ahli-ahli sejarah, ahli seni bina, tokoh budaya dan arkeologi.

1. *Royalscape* Diraja Di Kuala Kangsar

Royalscape pertama yang dikenal pasti merupakan *royalscape* fizikal. Trend perjalanan pelancong dijangka berterusan berikutan permintaan terhadap pelancongan semakin meningkat dalam kalangan penduduk di bandar-bandar besar seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Asia (Dumbrovska & Fialova 2016). Sebilangan besar pelancong menunjukkan respon positif kepada aspek fizikal destinasi pelancongan yang dilawati. Menurut Badaruddin (2005); Azman et al. (2021), bahawa tarikan utama pelancong ke destinasi pelancongan tersebut adalah kerana penawaran fizikal, alam sekitar yang tidak terancam, kemudahsampaian tempat rekreasi dan aspek fizikal yang lain. Oleh hal yang demikian, adalah amat penting bagi sesebuah destinasi pelancongan untuk sentiasa menambah baik pembangunan fizikal bandar Diraja. Butler (2017) menjelaskan pembangunan fizikal sesuatu destinasi pelancongan melibatkan empat tahap yang mana ia menarik pelancong dalam mengatur sesi lawatan, mengubah penglibatan pelancong kerana elemen fizikal destinasi membantu pelancong untuk memperoleh kepuasan melancong. Seterusnya, Md Khairi dan Ismail (2015) menerusi penemuan kajian menunjukkan komponen fizikal yang dikenali sebagai bangunan, landskap dan sorak penata menjadi penanda aras yang diberi penekanan dalam mewujudkan watak bandar Diraja. Ini kerana komponen fizikal ini berkait rapat dengan penampilan dan fungsi. Struktur bangunan bersejarah serta semua unsur bangunan seni bina menyumbang kepada keunikan, kewujudan landskap lembut dan keras. Ia menghasilkan kualiti yang tersendiri, menyumbang kepada interaksi sosial dan suasana yang selesa.

Royalscape kedua adalah *royalscape* estetika. Identiti sesebuah bandar merupakan teras kepada pelancongan warisan (Poria et al. 2006). Walau bagaimanapun konsep kolektif daripada pelancong mahupun individu adalah berbeza di mana terdapat individu yang menganggap sebahagian daripada kepunyaan bersama seperti dalam konteks masyarakat setempat, wilayah, bangsa dan etnik. Identiti kolektif membawa maksud melalui makna dan simbolik perkongsian dengan masyarakat. Oleh itu, estetika membawa pengertian yang luas iaitu perwakilan terhadap budaya negara dan masyarakat terhadap sikap, diri sendiri dan lapisan masyarakat. Imej estetika merupakan faktor utama dan rangsangan terhadap pelancong (Prayang et al. 2015). Oleh itu, imej destinasi merupakan pandangan elemen yang difikirkan oleh pelancong sebelum membuat keputusan untuk memilih destinasi tersebut sebagai destinasi pelancongan pelancong (Poria et al. 2006; Prayang et al. 2015).

Royalscape ketiga adalah *royalscape* tapak warisan yang menjadi tarikan dalam kunjungan pelancong (Azman et al. 2021; Caldito dan Dimanche, 2016; Tey et al. 2021). Pemilihan destinasi tapak warisan mengandungi empat set proses yang didorong oleh dua pemboleh ubah utama iaitu pemboleh ubah pemasaran dan pemboleh ubah pengembara itu sendiri (Baarveld et al. 2013). Pemilihan destinasi merupakan proses penting yang perlu diketahui dan difahami terlebih dahulu sebelum pelancong memilih destinasi pelancongan. Terdapat banyak pandangan daripada pengkaji terdahulu terhadap aspek dan bentuk pelancongan Bandar Diraja. Berdasarkan Sirisrisak (2015) menunjukkan pelancong memilih destinasi pelancongan berdasarkan panduan

oleh keinginan untuk belajar, menerokai pengalaman baru serta menambahkan pengalaman di tempat yang baru.

Royalscape keempat adalah *royalscape* budaya. Budaya merupakan salah satu kategori yang mempengaruhi sesebuah pembangunan komuniti di dalam sesebuah kelompok masyarakat (Poria et al. 2006; Mollegaard & Jaeger 2015). Terdapat tiga bentuk budaya iaitu *embodied state*, *objective state* dan *institutionalized state*. Budaya merujuk kepada keseluruhan cara hidup masyarakat yang merangkumi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, undang-undang, nilai, norma dan kebolehan-kebolehan lain yang menjadi kebiasaan yang diperoleh oleh individu yang merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat (Oatey 2008; Mollegaard & Jaeger 2015). Justeru itu, berdasarkan takrifan budaya oleh pengkaji terdahulu, dapat dilihat kepelbagaian dan keragaman dalam penghuraian terhadap istilah budaya berdasarkan latar belakang bidang dan pemikiran pengkaji.

Royalscape kelima merupakan *royalscape* interaksi sosial. Terdapat banyak kajian berkaitan dengan interaksi sosial seperti kajian Rasoolimanesh et al. (2019) menjelaskan interaksi sosial adalah asas kepada semua hubungan dan kumpulan dalam masyarakat. Ia merupakan satu proses individu bertindak ke arah individu yang lain atau memberi reaksi kepada individu yang lain. *Royalscape* keenam merupakan *royalscape* pendidikan. Pelancong yang bermatlamatkan pendidikan menjadikan pendidikan pelancongan sebagai faktor pendorong pelancong memulakan perjalanan pelancongan (Masron et al. 2014). Terdapat banyak takrifan oleh para sarjana berkaitan pendidikan pelancongan. Penulisan Jennings et al. (2010) telah mengkaji bagaimana sejarah pengajian pendidikan pelancongan telah membentuk pelbagai perubahan, pandangan, perbincangan dan idea bagi membentuk tunjang yang lebih peka, berperikemanusiaan dan penuh etika. Dengan menyasarkan para pelajar sekolah, Brumen et al. (2014) menerangkan bahawa implementasi pendidikan pelancongan kepada masyarakat mampu dicapai dengan jayanya melalui pengetahuan sepanjang hayat.

Royalscape ketujuh adalah *royalscape* hiburan yang merupakan komponen penting dalam membangunkan pengalaman pelancong. Kepelbagaian bentuk hiburan menjadikan satu pemasaran pelancongan yang lebih baik kepada destinasi tersebut. Hiburan dianggap sebagai faktor penting kerana mempengaruhi imej dan daya tarikan yang boleh dirasai serta sebagai sumber daya kepada pelancong (Gowreesunkar & Sotiriadis 2015).

Metodologi

Kajian menggunakan kaedah kuantitatif bagi memperincikan asas perwakilan pelancongan berdasarkan tujuh *royalscape*. Kajian berbentuk pendekatan kuantitatif menggunakan Teknik Pensampelan Secara Kebetulan (*convenience sampling*) melibatkan 500 pelancong domestik. Edaran borang soal selidik melibatkan tiga kawasan tumpuan iaitu di sekitar bangunan tumpuan, kawasan Lembah Kuala Kangsar dan tapak pesta anjuran Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK). Rasional menggunakan pengumpulan data dan maklumat dalam kajian ini adalah untuk memberi ruang kepada pengkaji untuk meningkatkan keyakinan terhadap dapatan dan kesimpulan yang lengkap. Prosedur penganalisan data menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* versi 23.0. Data dianalisis melibatkan analisis deskriptif (Bilangan, peratusan, min dan sisihan piawai). Hasil kajian rintis menggunakan analisis *Cronbach Alpha* bagi kesemua konstruk berada di tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu di antara 0.863 hingga 0.940. Pemilihan kawasan kajian telah dilaksanakan di bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan. Rasional pemilihan Kuala Kangsar sebagai kawasan kajian adalah kerana keunikan seni bina lama, imej identiti Diraja serta kaya dengan budaya warisan lama. Kuala Kangsar mempunyai perlambangan produk pelancongan yang estetik untuk dijadikan kawasan kajian.

Selain itu juga, pemilihan Kuala Kangsar sebagai destinasi dinilai kerana faktor utama seperti kepelbagaian destinasi pelancongan, jarak lokasi kunjungan serta aktiviti berkala yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar. Oleh itu, Kuala Kangsar dikenal pasti sebagai sebuah bandar Diraja yang menjadi salah satu destinasi wajib melancong bagi penggemar pelancongan bandar Diraja, warisan dan sejarah.

Hasil Kajian

1. Demografi Pelancong Domestik

500 orang pelancong terdiri daripada pelancong domestik di pilih sepanjang pengedaran borang soal selidik dijalankan dengan 65.8% (329 orang) perempuan dan 34.2% (171 orang) lelaki. Majoriti pelancong dari etnik melayu yang berkunjung ke Kuala Kangsar iaitu sebanyak 88.6% (443 orang) diikuti etnik cina dan india adalah sebanyak 7.0% (35 orang) dan 4.4% (22 orang). Lebih 65% pelancong berstatus bujang diikuti pelancong berkeluarga sebanyak 28.6% (143 orang) serta yang berstatus duda atau janda sebanyak 2.6% (13 orang). Dari segi pekerjaan, pelancong yang tidak bekerja sebanyak 51.2% (256 orang) kerana pelancong merupakan golongan pelajar dan belia yang masih belajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelancong yang telah bekerja merupakan kumpulan profesional seperti guru, doktor, jurutera, akauntan, eksekutif, pegawai tadbir, pengurus dan pensyarah sebanyak 21.6% (108 orang) serta lain-lain pekerjaan seperti berniaga kumpulan teknikal serta kumpulan sokongan. Seterusnya pelancong dari sektor kerajaan adalah paling ramai iaitu 26.8% (134 orang) dan pelancong yang bekerja di sektor swasta sebanyak 14.2% (71 orang).

Jadual 1. Demografi Pelancong Domestik

Komponen	Kategori	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	171	34.2
	Perempuan	329	65.8
Etnik	Melayu	443	88.6
	Cina	35	7.0
	India	22	4.4
Status perkahwinan	Bujang	344	68.8
	Berkahwin	143	28.6
	Janda/ Duda	13	2.6
Sektor Pekerjaan	Kerajaan	134	26.8
	Swasta	71	14.2
	Persendirian	25	5.0
	Tidak Bekerja	14	2.8
	Pelajar	256	51.2

1. Tahap *Royalscape* Diraja

Royalscape Diraja merupakan satu perwakilan yang menjadi lambang kepada imej bandar Diraja Kuala Kangsar. Dalam kajian ini dikenal pasti terdapat tujuh *royalscape* Diraja iaitu fizikal, estetika, tapak warisan, budaya, interaksi sosial, pendidikan dan hiburan. *Royalscape* fizikal memfokuskan kepada kriteria landskap, bangunan bersejarah, istana dan bangunan perkhidmatan. *Royalscape* estetika memberi fokus kepada keseluruhan produk yang terdapat di bandar Diraja Kuala Kangsar dengan menjadikan mercu tanda atau arca sebagai tinggalan-tinggalan sejarah yang memberikan imej simbolik kepada bandar Diraja Kuala Kangsar.

Seterusnya *royalscape* tapak warisan yang dinyatakan oleh Jabatan Warisan Negara iaitu Masjid Ubudiah Bukit Chandan, Istana Kenangan, Makam-makam Diraja dan Pahlawan, Jambatan Keretapi Victoria dan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Bagi *royalscape* budaya, pengkaji memberi fokus kepada adat resam, bahasa dan persuratan serta adat istiadat negeri Perak. *Royalscape* interaksi sosial memberi fokus kepada aktiviti dan acara serta seni persembahan manakala *royalscape* pendidikan menekankan kepada kajian tentang kefahaman pelancong berdasarkan aspek semula jadi dan buatan manusia. *Royalscape* terakhir iaitu hiburan memfokuskan kepada destinasi kunjungan pelancong, aktiviti persendirian dan kepelbagaian aktiviti yang dilaksanakan sepanjang berada di bandar Diraja Kuala Kangsar.

Analisis tahap *royalscape* Diraja berada pada tahap sederhana tinggi. *Royalscape* estetika merupakan min paling tinggi sebanyak min=3.46, diikuti *royalscape* budaya dengan nilai min=3.40. Seterusnya *royalscape* hiburan sebanyak min=3.37, *royalscape* tapak warisan menunjukkan min= 3.34, *royalscape* interaksi sosial mencatatkan min=3.31, *royalscape* pula mencatatkan min=3.25 dan terakhir adalah *royalscape* fizikal iaitu sebanyak min=3.04.

Jadual 2. Tujuh *royalscape* bandar Diraja Kuala Kangsar

<i>Royalscape</i>	Min	Interpretasi
Fizikal	3.04	Sederhana Tinggi
Estetika	3.46	Sederhana Tinggi
Tapak Warisan	3.34	Sederhana Tinggi
Budaya	3.40	Sederhana Tinggi
Interaksi Sosial	3.31	Sederhana Tinggi
Pendidikan	3.25	Sederhana Tinggi
Hiburan	3.37	Sederhana Tinggi

Royalscape fizikal

Royalscape fizikal menjadi pilihan pelancong dalam berkunjung ke Kuala Kangsar. Pelancong menjadikan landskap Diraja sebagai faktor pemberat kunjungan sewaktu melawat landskap Kuala Kangsar iaitu sebanyak 76.6% (383 orang). Bagi kunjungan ke bangunan bersejarah Kuala Kangsar menunjukkan sebanyak 75.4% (377 orang) memberi penghayatan yang tinggi terhadap perhiasan bangunan lama. Ini kerana ia mempunyai corak ringkas serta perlambangan Diraja yang tersendiri. Seterusnya, terdapat keistimewaan terhadap Istana Diraja dan Masjid Ubudiah Kuala Kangsar. Kunjungan pelancong di Istana Diraja dan Masjid Ubudiah Kuala Kangsar yang memberikan penghayatan dan fokus kepada seni bina unik dan cantik sebanyak 80.8% (404 orang). Seni bina ini memaparkan lambang kebesaran Diraja Negeri Perak. Begitu juga perihalnya dengan

bangunan perkhidmatan di sekitar Kuala Kangsar telah menjadi tempat lawatan yang kondusif kepada pelancong iaitu 77.8% (389 orang).

Rajah 1. *Royalscape* Fizikal



Royalscape estetika

Hasil dapatan menunjukkan pelancong domestik mempunyai penilaian tinggi terhadap *royalscape* estetika. Pilihan tertinggi pelancong adalah terhadap imej simbolik bandar Diraja seperti tugu, masjid, istana, makam dan landskap sejarah Diraja yang dipelihara dan dipulihara (min= 4.15). Bagi pilihan lain-lain seperti mercu tanda pintu masuk, Jet Fighter, objek perlambangan tradisional Kesultanan seperti *Jet Fighter*, *Pavilion Tower*, Pekan dan Sungai Perak, landskap sejarah, Istana Kenangan, tapak warisan budaya serta slogan motto bandar Diraja dan pemuliharaan bentuk bangunan menunjukkan min 4.01 hingga 4.13.

Jadual 3. *Royalscape* estetika

Item	Min	Interpretasi
Mercu tanda pintu masuk (Arca) yang unik	4.03	Tinggi
Jet Fighter jenis McDonnell Douglas A-4 Skyhawk di tengah bandar Diraja Kuala Kangsar mercu tanda hubungan antarabangsa	4.01	Tinggi
Benda atau objek baru sebagai perlambangan tradisional Kesultanan di bandar Diraja seperti Jet Fighter, Pavilion Tower Kuala Kangsar, Pekan Kuala Kangsar & Sungai Perak	4.03	Tinggi
Bangunan tinggalan sejarah di bandar Diraja dijadikan tinggalan untuk generasi akan datang	4.05	Tinggi
Landskap sejarah memperkenalkan identiti Kesultanan Melayu Perak dalam bandar Diraja	4.05	Tinggi
Imej simbolik bandar Diraja seperti tugu, masjid, Istana, makam dan landskap sejarah Diraja dipulihara	4.15	Tinggi
Istana Kenangan Bukit Chandan perlambangan Sejarah Diraja	4.06	Tinggi

Tapak warisan budaya seperti Masjid Ihsaniah, perkampungan budaya dan lain-lain tapak warisan adalah daya penarik sampingan	4.12	Tinggi
Slogan dan motto bandar Diraja membawa nilai estetika	4.04	Tinggi
Memorial lama menjadi tarikan utama bandar Diraja	4.09	Tinggi
Pemuliharaan bentuk bangunan mempunyai corak asal atau ciri-ciri bangunan warisan terpelihara	4.13	Tinggi

Royalscape Tapak Warisan

Royalscape tapak warisan di dalam kajian ini adalah sebanyak lima jenis tapak warisan. Tapak warisan tersebut adalah Masjid Ubudiah, Istana Kenangan, Makam Diraja, Jambatan Kereta api Victoria dan MCKK. Kesemua pilihan pelancong domestik menunjukkan interpretasi tinggi. Sewaktu kunjungan ke Masjid Ubudiah, sebanyak 84.6% (423 orang) pelancong merasakan masjid Ubudiah terletak di kedudukan yang strategik kerana berdekatan dengan pusat bandar. Di Istana Kenangan Bukit Chandan menunjukkan sebanyak 82.2% (411 orang) yang berkunjung melihat ciri-ciri unik dan elemen Diraja sebagai tarikan pelancong sepanjang melawati Istana Kenangan. Sewaktu berkunjung ke makam Diraja, sebanyak 83.2% (416 orang) pelancong gemar melihat landskap-landskap yang menarik dan cantik di makam Diraja. Seterusnya sebanyak 79.0% (395 orang) pelancong yang berkunjung ke Jambatan Kereta api Victoria melihat jambatan yang stabil, selamat dan sesuai untuk aktiviti riadah serta berkunjung sebagai tarikan pelancong berkunjung ke sana. Hal ini adalah sama dengan kunjungan pelancong ke MCKK yang menjelaskan reka bentuk seni bina unik yang menarik kunjungan pelancong.

Jadual 4. Peratusan pilihan pelancong di *royalscape* tapak warisan

Tapak Warisan	Bil	Peratusan
Masjid Ubudiah	423	84.6
Istana Kenangan	411	82.2
Makam Diraja	416	83.2
Jambatan Kereta api Victoria	395	79.0
MCKK	409	81.8

Royalscape budaya

Hasil dapatan terhadap *royalscape* budaya menunjukkan pelancong domestik mempunyai pandangan yang baik terhadap semua kaum yang menetap di Kuala Kangsar. Ini kerana pelancong merasakan masyarakat Melayu, Cina dan India bersatu hati dan saling menghormati terhadap bangsa dan agama masing-masing (min=4.06). Pelancong melihat terdapat nilai sentimen yang tinggi terhadap barangan peribadi serta koleksi-koleksi peribadi milik sultan. Begitu juga dari segi mengekalkan adat resam seperti kelahiran baharu, kepelbagaian perkahwinan mengikut agama dan kematian serta jenis-jenis pakaian yang diperagakan oleh masyarakat setempat dengan nilai min di antara 4.00 hingga 4.03. Namun demikian, pelancong menunjukkan sikap kurang mesra dengan masyarakat setempat, kurang memahami tentang adat istiadat Sultan serta adat resam.

Jadual 5. *Royalscape* budaya

Item	Min	Interpretasi
Saya melawat tempat-tempat pelancongan bandar Diraja yang lain dengan menerima bantuan daripada masyarakat setempat	3.8 1	Sederhana Tinggi
Saya melihat nilai sentimental yang tinggi terhadap barangan peribadi koleksi sultan dipamerkan	4.0 3	Tinggi
Saya merasakan masyarakat Melayu, Cina dan India bersatu hati dan saling hormat-menghormati	4.0 6	Tinggi
Saya memahami Adat istiadat Pertabalan, Tabal Pusaka dan lain-lain adat istiadat mempunyai kesenian budaya sewaktu saya mengunjungi bandar Diraja	3.9 7	Sederhana Tinggi
Saya merasakan masyarakat masih mengekalkan adat resam seperti kelahiran, perkahwinan mahupun kematian	4.0 2	Tinggi
Saya melihat pakaian yang dipakai oleh masyarakat masih menonjolkan sisi kesultanan Melayu Perak seperti kain songket dan batik	4.0 0	Tinggi
Saya melihat adat resam seperti nazam, marhaban, adat merisik masih diteruskan oleh generasi kini.	3.9 8	Sederhana Tinggi

Royalscape interaksi sosial

Hasil dapatan menunjukkan pelancong domestik mempunyai interaksi sosial dengan masyarakat setempat dengan menyambut baik kepelbagaian agama yang ada di sekitar bandar Diraja Kuala Kangsar (min= 4.04). Pelancong domestik menganggap masyarakat setempat merupakan golongan masyarakat yang mudah mesra, menghormati dan menerima pelancong. Walau bagaimanapun, pelancong kurang gemar berkenalan dengan masyarakat setempat, tidak merasa kepunyaan sepanjang berada di bandar Diraja Kuala Kangsar dengan nilai min menunjukkan interpretasi sederhana tinggi iaitu sebanyak 3.71 hingga 3.99.

Jadual 6. *Royalscape* interaksi sosial

Item	Min	Interpretasi
Saya berasa gembira sepanjang berada di bandar Diraja kerana dapat menyertai aktiviti dan acara yang dianjurkan	3.8 8	Sederhana Tinggi
Saya berkenalan dengan masyarakat setempat sepanjang berada di bandar Diraja	3.7 1	Sederhana Tinggi
Saya berkunjung ke kedai-kedai serbaneka dan cenderamata	3.9 9	Sederhana Tinggi
Saya melihat secara dekat barangan eksklusif berkaitan barangan Diraja	4.0 3	Tinggi
Saya rasa kepunyaan terhadap bandar Diraja (Sense of place)	3.9 3	Sederhana Tinggi
Saya rasa kepunyaan (Self of belonging) sepanjang berada di bandar Diraja	3.9 7	Sederhana Tinggi

Saya menyambut baik kepelbagaian agama yang ada	4.0 4	Tinggi
Saya beranggapan masyarakat tempatan yang mudah mesra, menghormati dan menerima pelancong	4.0 2	Tinggi

Royalscape pendidikan

Hasil dapatan terhadap *royalscape* pendidikan mendapati bahawa bandar Diraja Kuala Kangsar menyediakan informasi pendidikan yang baik bagi tujuan pendidikan. 75.0% (375 orang) pelancong menunjukkan sokongan terhadap program pelancongan yang dianjurkan oleh Kuala Kangsar. *Royalscape* pendidikan berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min antara 3.75 hingga 3.99. Ini menunjukkan kunjungan hamper kesemua pelancong bukanlah berasaskan kepada faktor pendidikan. Namun demikian, masih mendapatkan maklumat dan informasi yang disediakan yang berbentuk pendidikan sepanjang melawati tapak warisan (min= 4.02) yang disediakan. Pelancong juga menunjukkan sokongan terhadap program berasaskan pendidikan bagi pembangunan pelancongan bandar Diraja Kuala Kangsar (min= 4.00).

Rajah 7. *Royalscape* pendidikan

Item	Min	Interpretasi
Saya mengetahui Rancangan Pelancongan (RP) bandar Diraja Kuala Kangsar sewaktu kunjungan	3.7 5	Sederhana Tinggi
Saya diperkenalkan garis panduan dan sistem pengurusan pelancongan bandar Diraja dengan jelas, teratur dan tersusun.	3.8 0	Sederhana Tinggi
Saya menyokong program dan projek pelancongan yang dianjurkan	4.0 0	Tinggi
Saya turut bekerjasama dalam mempromosikan aktiviti dan produk pelancongan bandar Diraja Kuala Kangsar	3.9 0	Sederhana Tinggi
Saya memahami sejarah bandar Diraja selepas mengunjungi site tapak warisan Diraja	3.9 6	Sederhana Tinggi
Saya memperoleh informasi yang disediakan untuk tujuan pendidikan	4.0 2	Tinggi
Saya memahami sejarah pembentukan kerajaan dan tamadun Melayu asli di Perak	3.9 5	Sederhana Tinggi
Saya mengaplikasikan adat resam dan tatasusila sepanjang berada di bandar Diraja	3.8 9	Sederhana Tinggi
Saya belajar seni hiburan di bandar Diraja Kuala Kangsar seperti nazam, berzanji dan marhaban.	3.8 9	Sederhana Tinggi
Saya memelihara dan memulihara kawasan di sekitar bandar Diraja sepanjang berada di sana	3.9 9	Sederhana Tinggi

Royalscape hiburan

Berada di Kuala Kangsar memberikan segmen hiburan yang pelbagai kepada pelancong. Di Kuala Kangsar, hiburan bukan berbentuk hiburan kesenian, kebudayaan dan muzik semata-mata, tetapi ia meliputi hiburan dalam beraktiviti, membeli-belah dan bersenang-lenang dalam melancong. Hasil mencatatkan sebanyak 74.8% (374 orang) pelancong melakukan pelbagai aktiviti persendirian dan kekeluargaan secara bersama. Min tertinggi bagi *royalscape* hiburan iaitu min=4.00 menunjukkan pelancong melaksanakan pelbagai aktiviti persendirian dan bersifat kekeluargaan seperti memancing, menangkap gambar dan lain-lain aktiviti *leisure* (min= 4.00). Pelancong domestik juga tidak melepaskan peluang untuk membeli pelbagai jenis barangan hasil tangan seperti labu sayung, tilam kekabu, songket dan barangan tembaga (min= 4.00).

Jadual 8. *Royalscape* hiburan

Item	Min	Interpretasi
Banyak destinasi kunjungan di bandar Kuala Kangsar	3.9 3	Sederhana Tinggi
Pelbagai aktiviti persendirian dan aktiviti kekeluargaan yang boleh dilakukan seperti memancing, merakamkan kenangan dengan bergambar, berenang di Sungai Perak dan lain-lain	4.0 0	Tinggi
Membeli pelbagai jenis barangan hasil tangan seperti labu sayung, tilam, songket dan barangan tembaga	4.0 0	Tinggi
Menghasilkan kraf tangan sendiri di pusat pembangunan Kraf tangan Perak	3.9 1	Sederhana Tinggi
Melibatkan diri dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan sewaktu melancong	3.7 4	Sederhana Tinggi
Menonton pertunjukan dan persembahan seni yang disediakan	3.9 4	Sederhana Tinggi

Perbincangan

Royalscape fizikal di dalam makalah ini terbahagi kepada landskap bandar Diraja, Bangunan Bersejarah bandar Diraja, Istana dan Masjid bandar Diraja dan Bangunan Perkhidmatan di bandar Diraja Kuala Kangsar. Pelancong gemar melihat landskap bandar Diraja yang berbeza dengan landskap bandar yang lain. Kunjungan pelancong ke bangunan bersejarah bandar Diraja adalah untuk melihat keaslian seni bina dengan corak-corak ringkas berdasarkan ciri-ciri warisan dan kebudayaan zaman kesultanan. Sewaktu pelancong domestik mengunjungi ke istana dan masjid-masjid yang lain, pelancong lebih gemar melihat seni bina unik dan cantik. Pelancong mengetahui bahawa masjid Ubudiah berbentuk sebilah pedang serta reka bentuk menyerupai 'kuih lapis'. Kawasan tapak pelancongan yang dikunjungi menekankan konsep tempat lawatan yang kondusif untuk semua peringkat umur dan mesra pengguna apabila pelancong menggunakan perkhidmatan yang terdapat di bandar Diraja Kuala Kangsar.

Seterusnya *royalscape* estetika menunjukkan pelancong domestik mengaitkan imej simbolik seperti tugu, masjid dan landskap serta lain-lain aspek nyata adalah mempunyai nilai estetika yang tinggi. Oleh itu, sewaktu kunjungan ke bandar Diraja Kuala Kangsar, pelancong domestik tidak akan melepaskan peluang untuk melihat sendiri imej perlambangan Kuala Kangsar seperti labu sayung, mercu tanda bandar Diraja Kuala

Kangsar dan lain-lain imej perlambangan yang disediakan yang menarik dan mengekalkan reka bentuk asli warisan. *Royalscape* tapak warisan diperoleh menerusi pewartaan daripada Jabatan Warisan Negara (JWN). Sepanjang pelancong domestik berada di Istana Kenangan dan masjid Ubudiah pelancong memberi penekanan terhadap fasiliti dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di dalam dan di luar masjid. Landskap menarik dan cantik di makam Diraja dan Jambatan Kereta api Victoria yang menjadikan tarikan utama kepada kunjungan pelancong. Di samping itu juga, Jambatan Kereta api Victoria mempunyai laluan mudah untuk sampai, stabil, selamat dan ia merupakan pusat rekreasi yang sesuai dikunjungi bagi tujuan riadah. Tapak warisan Bangunan Big School Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dikunjungi kerana landskap yang cantik dan unik. Tambahan pula MCKK merupakan bangunan lama yang dibina pada tahun 1913 serta merupakan monumen unik yang wajar dikunjungi oleh pelancong.



Foto 1: Istana Kenangan Bukit Chandan



Foto 2: Masjid Ubudiah Kuala Kangsar



Foto 3: Jambatan Keretapi Victoria



Foto 4: Big School Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)



Foto 5: Makam Diraja

Menerusi *royalscape* budaya menunjukkan pelancong mempunyai nilai budaya yang tinggi kerana bersatu hati dan memahami kepelbagaian kaum yang ada serta saling hormat menghormati budaya yang berbilang ini. Bagi *royalscape* interaksi sosial adalah interaksi antara pelancong domestik dan masyarakat setempat di sekitar bandar Diraja Kuala Kangsar. Hasil menunjukkan pelancong menyambut baik agama yang ada dipraktikkan. Namun pelancong kurang berinteraksi dengan masyarakat setempat. *Royalscape* pendidikan

dilihat kurang menjadi fokus utama pelancong domestik. Namun demikian, pelancong tetap boleh memperoleh maklumat dan informasi yang disediakan bagi tujuan pendidikan. Walaupun pelancong tidak menjadikan pendidikan matlamat utama pelancongan, namun pelancong turut memberi kerjasama dalam menyokong aktiviti pendidikan yang dianjurkan sewaktu kunjungan walaupun secara pasif. Terakhir adalah *royalscape* hiburan menjadi fokus utama pelancong domestik. Antaranya adalah dengan melakukan aktiviti persendirian, aktiviti berkumpulan mahupun secara berkeluarga seperti memancing, merakamkan kenangan dan juga membeli pelbagai jenis barangan hasil tangan seperti labu sayung, tilam, songket dan barangan tembaga.

Kesimpulan

Pelancongan bandar Diraja bergantung kepada kepelbagaian penawaran produk yang ditawarkan kepada pelancong. Kesemua *royalscape* yang dijelaskan dalam kajian ini merupakan salah satu asas perwakilan yang menyumbang kepada pembangunan pelancongan ini. Hal ini relevan dan sejajar dengan konsep pelancongan yang diketengahkan memandangkan inti pati pelancongan ini akhirnya menghasilkan pengalaman pelancongan. Daya tarikan bagi ketujuh asas perwakilan *royalscape* ini iaitu fizikal, estetika, tapak warisan, budaya, interaksi sosial, pendidikan dan hiburan mempunyai pengaruh terhadap imej destinasi yang ditonjolkan. Kajian asas perwakilan ini penting kerana meneroka semua konsep asas yang belum diketengahkan oleh bandar Diraja Kuala Kangsar sebagai salah satu destinasi pelancongan Diraja. Tarikan-tarikan utama perlu diketengahkan dan menarik perhatian pelancong serta menggambarkan persepsi pelancongan Diraja. Kajian ini mencapai tujuan utamanya untuk mengenal pasti asas perwakilan yang dapat membangunkan pelancongan daripada pandangan dan pemahaman pelancong dengan menjadikan Kuala Kangsar sebagai destinasi Diraja. Kesimpulannya, asas perwakilan yang dibentuk ironinya menjadi penggerak dalam industri pelancongan Diraja ini. Kajian ini relevan dalam memberikan maklumat yang ada, mempunyai potensi untuk dibangunkan di peringkat pemegang taruh serta memberi manfaat kepada pelancong dan pembangunan Kuala Kangsar.

Penghargaan: Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan di kawasan sekitar bangunan tumpuan, kawasan Lembah Kuala Kangsar dan tapak pesta anjuran Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK). Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak yang terlibat atas sokongan dalam penyelidikan ini.

Rujukan

- Albrechts, L. & Balducci, A. (2013). Practicing strategic planning: in search of critical features to explain the strategic character of plans. *The Planning Review*. 49(3): 16-27.
- Azman, N.A.N.M.N., Rahman, N.H.A., Sawari, S.S.M., Abas, S.A., Latif, S.A.A. (2021). The tourists' spatial behavior and tourist movement pattern in Muar Johor. *Journal of the Malaysian Institute of Planners* 19(2): 275-286.
- Baarveld, M., Smit, M. & Dewulf, G. (2013). Planning and commitment in cultural heritage projects. *Journal of Cultural Heritage Management and Sustainable Development* 3(2): 163-174.
- Badaruddin Mohamed. (2005). The analysis of Malaysian domestic travelers. *Proceeding of the International Conference on Tourism Development*. Page 373-381.
- Brumen, M., Cagran, B. & Mulej, M. (2014). Education for responsible persons, tourists and hosts through knowledge of neighboring countries' languages in cross-border areas. *Kybernetika* 43(3/4): 614-628.
- Butler, R. (2017). The tourist experience: can destinations maintain authenticity? *Worldwide Hospitality and Tourism Themes* 9(6): 617-629.

- Caldito, L.A. & Dimanche, F. De. (2016). *Tourist behavior and trends*. May.
- Chhabra, D. (2010). How they see us: perceived effects of tourist gaze on the old order amish. *Journal of Travel Research* 49: 93-105.
- Cros, H. D. (2016). Cultural and experiential tourism, in Marios Sotiriadis, Dogan Gursoy. *The Handbook of Managing and Marketing Tourism Experiences* 133-153.
- Du Cros, H. (2017). *Cultural and experiential tourism*. The Handbook of Managing and Marketing Tourism Experiences 17: 133-153.
- Dumbrovska, T. & Fialova, D. (2016). Tourist precincts and touristification in Prague: The royal routes case study. *Studia Turistica* 7(1): 6-17.
- Gowreesunkar, V.G.B. & Sotiriadis, M. (2015). Entertainment of leisure tourists in island destination evidence from the island of Mauritius. *African Journal of Hospitality, Tourism and Leisure* 5(1): 1-20.
- Holloway, D., Green, L. & Holloway D. (2011). The intratourist gaze: grey nomads and other tourist. *Tourist Studies* 11 (3): 235-252.
- Jennings, G., Kensbock, S. & Kachel, U. (2010). Enhancing education 'about and for sustainability' in a tourism studies enterprise management course: an action research approach. *Journal of Teaching in Travel & Tourism* 10(2): 163-191.
- Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. (2012).
- Masron, T., Mazuki, A., Mohamed, B. & Ayob, N.M. (2014). Conceptualize tourism support system through web-based GIS for collaborative tourism planning. *Journal of the Malaysian Institute of Planners* 12 (4): 59-80.
- Md Khairi, N.D. & Ismail, H.N. (2015). Acknowledging the tourist spatial behavior for space management in urban heritage destination. *International Journal of Built Environment and Sustainability* 2(4): 318- 323.
- Md Khairi, N.D. (2017). *Non- spatial and spatial characteristics of international tourists' behavior in Melaka world heritage site*. Tesis Dr. Fal, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Samsudin & Sulong Mohamad. (2013). Pengaruh warisan sejarah dalam insudri Pelancongan Langkawi. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 1(1): 99-109.
- Mollegaard, S. & Jaeger, M.M. (2015). The effect of grandparents' economic, culutural and social capitalon grandchil-dren's educational success. *Research in Social Stratification and Mobility* 42: 11-19.
- Oatey, S.H. (2008). *Culturally Speaking Culture, Communication and Politeness Theory*. 2nd Edition. London: Continuum.
- Poria, Y., Reichel, A. & Brian, A. (2006). Heritage site management motivations and expectations. *Annals of Tourism Research* 33(1): 162-178.
- Prayag, G., Hosany, S., Muskat, B. & Chiappa, G.D. (2015). Understanding the relationships between tourists' emotional experiences, perceived overall image, satisfaction, and intention to recommend. *Journal of Travel Research* 1-14.
- Rasoolimanesh, S.M., Taheri, B. & Gannom, M. (2019). Does living in the vicinity of heritage tourism sites influence residents' perceptions and attitudes? *Journal of Sustainable Tourism* 27(9): 1295- 1317.
- Sirisrisak, T. (2015). Reconsidering the interpretation of WWII shared-heritage in Thailand. *Journal of Cultural Heritage Management and Sustainable Development* 5(1): 30-42.
- Tey, N.P., Talha, R., Rahman, E.N.A & Ismail, M.F. (2021). Spatial demographic data for planning and research. *Journal of the Malaysian Institute of Planners* 19(15): 89-101.